

25/04/2000

Pemuda utamakan keutuhan daripada pertandingan

Zulkofli Jamaludin

SERAMAI 687 perwakilan ke Perhimpunan Agung Pemuda Umno pada 10 April ini akan memilih Naib Ketua dan 20 exco untuk menerajui pergerakan itu bagi tempoh tiga tahun. Tidak seperti pemilihan 1996, perhimpunan kali dilihat agak 'hambar' kerana teraju pergerakan itu sudah dimenangi Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein tanpa bertanding.

Pada pemilihan lalu, perebutan sengit bermula dari mesyuarat bahagian apabila empat pemimpin, termasuk seorang daripada dalam pergerakan Pemuda Umno menawarkan diri bertanding. Penyandang jawatan ketika itu, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, yang terpaksa bercuti selepas diarah Majlis Tertinggi (MT), tewas kepada Datuk Ahmad Zahid Hamidi, selepas hanya mampu meraih 103 undi.

Ahmad Zahid yang menjawat Ketua Penerangan Pemuda ketika itu mendapat 199 undi, Datuk Annuar Musa (135) manakala Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad (72).

Di sebalik pandangan sesetengah pihak yang mendakwa pemilihan kali ini hambar, pergerakan itu sebenarnya berjaya membuktikan kesepakatan mereka untuk memberi mandat kepada pemimpin yang dianggap mampu mengetahui cabaran pada alaf baru.

Pemuda kini melihat, perpaduan dan kerjasama dalam parti lebih penting daripada pertandingan pada peringkat tertinggi, yang bukan saja boleh menyebabkan berlaku kempen secara keterlaluan, malah usaha menyatukan penyokong pemimpin yang bertanding akan mengambil masa. Masalah seperti itu dapat dilihat dengan jelas dalam Pergerakan Wanita Umno, yang menyaksikan Ketua Wanitanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menghadapi kesukaran untuk menggembleng sokongan daripada bekas ketua pergerakan itu, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Pensyarah Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ghazali Mayudin, berkata kemenangan tanpa bertanding itu menggambarkan ahli Pemuda memberi sepenuh kepercayaan kepada Hishammuddin untuk melaksanakan sesuatu bagi mengembalikan zaman kegemilangan Pemuda. Kemenangan itu bukan kali pertama kerana Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang mengetuai pergerakan itu dari 1987 hingga 1993 tidak pernah bertanding.

Ghazali berkata, bagi ahli tidak ada orang lain yang dapat menandingi kewibawaan dan kepemimpinan Hishammuddin yang memangku jawatan itu ketika Umno, mahupun Pemuda berada dalam keadaan goyah selepas bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada kerajaan dan parti pada 1998.

Serentak itu, katanya, 60 pemimpin muda yang layak menawarkan diri bertanding harus dapat membantu Hishammuddin melaksanakan pelbagai agenda bagi memastikan negara berupaya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara lain selepas melangkah ke alaf baru.

Sebagai contoh, kita mahu barisan pelapis lebih iltizam terhadap perjuangan parti dan berani menghadapi pelbagai cabaran di samping boleh menjadi pemimpin yang berdisiplin serta berakhlak mulia. Bukan setakat slogan, tetapi hendaklah diterjemahkan melalui penampilan serta aktiviti yang dianjurkan.

Bagi Ahmad Zahid, sebagai sayap kanan parti Pemuda Umno harus menjadi latar belakang yang cukup ampuh untuk mendokong kepimpinan yang ada dan mempunyai agenda bersama dengan kepimpinan. Apa yang penting, pemimpin boleh mendokong terus Umno sebagai organisasi yang relevan kepada orang

Melayu, terutama untuk menarik semula generasi muda bagi berada semula dalam Umno.

"Umno mesti diperkukuhkan dengan kepimpinan pelapis yang bukan saja boleh diterima oleh ahli veteran dan generasi pelapis, tetapi juga harus diterima juga oleh semua kumpulan masyarakat majmuk di Malaysia.

"Kualiti yang dipilih terdiri daripada mereka yang mempunyai rekod perkhidmatan dalam kerajaan dan parti dengan cemerlang bagi mewujudkan kesinambungan kepemimpinan bagi menuju cabaran dekad mendatang," katanya yang kali ini menawarkan diri bertanding MT.

Hishammuddin pula mahu Pemuda bukan saja menjadi kumpulan pendesak, sebaliknya harus bersedia turun ke padang untuk membantu parti dan sentiasa berusaha mengangkat martabat negara dalam segala bidang supaya Malaysia mampu turut serta dalam proses penetapan agenda perdana dunia.

Malah, Pemuda Umno bersumpah untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara daripada perkembangan sejagat yang bertentangan dengan kepentingan nasional, terutamanya yang didalangi pihak asing.

Pemuda Umno katanya, juga berazam untuk memastikan hasrat serta impian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadikan Malaysia maju, bukan saja dalam bidang ekonomi, tetapi juga sosial, politik, pembangunan rohani dan budaya, mencapai kejayaan.

Bagi Jamaliah Ahmad yang bertugas di pejabat Pemuda Umno sejak dipimpin Datuk Suhaimi Kamaruddin, 26 tahun lalu, walaupun pendekatan pemimpin agak berbeza, mereka tetap mempunyai satu matlamat iaitu mengangkat martabat bangsa. Malah, kegiatan yang dianjurkan Pemuda Umno bertambah mengikut tuntutan semasa dan setiap pemimpin merancang strategi terbaik untuk memperkukuhkan kerjasama dan iltizam ahli terhadap perjuangan bangsa, negara dan agama.

Bermula dengan beliau seorang saja sebagai jurutrenkas di pejabat Pemuda pada 1974, kini ada tiga kakitangan tambahan bagi membantu Pemuda menjalankan tugas berikutan pertambahan ahli dan bahagian di Semenanjung dan Sabah.

Sokongan padu itu juga membuktikan Pemuda Umno pada peringkat akar umbi lebih mengutamakan keutuhan parti kerana cabaran alaf ini menuntut iltizam daripada kepemimpinan pada semua peringkat.

Sokongan itu sudah pasti dapat mengukuhkan semula keyakinan rakyat terhadap Umno dan membuktikan pemimpin lebih mengutamakan parti daripada perebutan jawatan. Ini kerana keputusan pilihan raya umum lalu memberi isyarat kepada Umno supaya memantapkan parti pada peringkat tertinggi, bahagian dan cawangan bagi mengelak sokongan rakyat beralih kepada pembangkang.

Kemenangan tanpa bertanding membolehkan Hishammuddin memberi tumpuan merancang dan menyusun pelbagai kegiatan bagi memantapkan jentera terutama dalam menjelaskan dasar perjuangan parti kepada rakyat, khususnya generasi muda.

Hishammuddin sendiri pernah memberi perakuan, selagi beliau mengetuai pergerakan Pemuda, beliau dan rakan-rakannya akan mempertahankan apa yang sudah dimiliki dan diwarisi sejak sekian lama dengan bijaksana selaras konsep kerjasama Barisan Nasional bagi mengekalkan keamanan, kestabilan dan pembangunan ekonomi masyarakatnya.

Dasar itu yang kini dikagumi rakyat asing membolehkan negara memupuk dan mengekalkan perpaduan rakyat berbilang kaum. Ini kerana tanpa perpaduan tidak akan wujud kestabilan dan tanpa kestabilan sudah tentu tiada pembangunan. Tanpa pembangunan pula tidak mungkin ada kekayaan negara untuk diagih-agihkan.

Sehubungan adalah menjadi tugas pemimpin pergerakan itu untuk menyedarkan rakyat terutama generasi muda agar memiliki ketahanan diri kerana alaf baru menjanjikan seribu satu cabaran, khususnya generasi muda

membuat persiapan bersungguh-sungguh mulai sekarang.

Menyedari hakikat itu, Perhimpunan Pemuda yang pertama pada alaf baru dianggap tepat pada masanya kerana ia menampilkan pelbagai cabaran yang harus difahami dan ditangani dengan cermat serta teliti. Sambil memanfaatkan sepenuhnya kebaikan yang ada, kesan negatifnya harus dielakkan daripada menjejaskan agenda negara bagi membolehkan rakyat terus menikmati kemakmuran pada abad ke-21.

Fenomena seperti ledakan maklumat, globalisasi, liberalisasi yang menampilkan pelbagai cabaran perlu difahami bukan saja oleh kepemimpinan Pemuda, tetapi seluruh ahli untuk ditangani dengan teliti. Serentak itu, Pemuda dituntut memberi jaminan dan memastikan suara yang menyerang institusi kehakiman, perundangan, penguatkuasaan dan saluran media utama tidak menghakiskan keyakinan hingga martabat kerajaan pilihan rakyat boleh dilunturkan.

Malah, tindakan menyerang institusi asas kerajaan melalui penyebaran fitnah dan menidakkan jasa kerajaan yang didalangi media asing dan pihak yang tidak tahu berterima kasih harus ditentang habis-habisan untuk mengelak ia menghancurkan kewibawaan bangsa yang dibina selama ini.

Bagi mengelaknya, Pemuda Umno perlu sentiasa membantu badan induk mengingatkan orang Melayu bahawa perpaduan kaum yang dibina akan turut musnah dalam tempoh singkat jika ada pihak sedia melakukan tindakan yang tidak bertanggungjawab. Sebab itu, fokus Pemuda bukan saja pembangkang yang sering memburuk-burukkan kerajaan, tetapi cabaran alaf baru, termasuk kuasa asing yang cuba campur tangan untuk menentukan kepemimpinan sesebuah negara.

Bagaimanapun, Hishammuddin mahu rakyat tidak perlu runsing dan menjadi gelabah terhadap pelbagai tuduhan serta fitnah pembangkang dan kuasa asing, kerana ia adalah budaya mereka dari dulu hingga sekarang.

Selain fokus politik, Pemuda juga perlu memastikan faedah pembangunan negara benar-benar dinikmati rakyat pada semua peringkat, terutama golongan miskin. Perkara itu perlu diberi tumpuan oleh Pemuda, termasuk cabaran alaf baru yang menuntut iltizam sepenuhnya daripada semua rakyat. Kita tidak mahu Pemuda hanya bersemangat ketika Perhimpunan dengan mengeluarkan ketetapan yang panjang lebar, tetapi dari segi pelaksanaan tertinggal di belakang.

(END)